

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Monday, 11 May, 2020 12:54 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: UUM Prihatin: 100 Pelajar Derma Darah Dalam Tempoh 4 Jam

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 21 April 2020 11:27
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: UUM Prihatin: 100 Pelajar Derma Darah Dalam Tempoh 4 Jam



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 APRIL 2020 / 27 SYAABAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nurul Sahadar Che Nuh (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: JKPS INASIS Petronas

UUM PRIHATIN: 100 PELAJAR DERMA DARAH DALAM TEMPOH 4 JAM



UUM ONLINE: Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak menghalang pelajar univeriti ini untuk menjalankan tanggungjawab menderma darah pada *Red Charity 2.0* anjuran Inapan Siswa (INASIS) Petronas dengan mengambil langkah keselamatan seperti yang diarahkan kerajaan.

Pelajar, Muhammad Najmi Shakir Abu Hassan berkata, menderma darah merupakan satu perkara yang mulia dan tidak membebankan malah merupakan satu aktiviti yang sentiasa cuba dilakukan apabila ada kelapangan waktu.

Menurutnya, dia telah menderma darah sebanyak tujuh kali termasuk di program *Red Charity 2.0* itu, malah tidak pernah berhasrat untuk memberhentikan tanggungjawab tersebut.

Katanya, niat untuk menderma darah tercetus apabila mengetahui ramai pesakit yang kekurangan darah memerlukan bekalan tersebut untuk meneruskan hidup.

"Saya berharap dengan sumbangan yang dihulurkan ini sedikit sebanyak dapat membantu bebanan pihak hospital untuk mendapatkan bekalan darah yang semakin berkurangan.

"Di samping itu, program ini juga harus diteruskan dari semasa ke semasa secara berterusan kerana semua masyarakat terutama golongan muda harus sedar akan kelebihan menderma darah dan dapat membantu orang lain tanpa kita sedari," katanya.

Sementara itu, pengarah program, Aamirah Amr Mohd Amran berkata, dalam tempoh empat jam sahaja seramai 100 pelajar telah tampil di Student Lounge INASIS Petronas untuk menderma darah bagi memenuhi tabung darah Hospital Tuanku Fauziah, Kangar.

Menurutnya, pihaknya terpaksa memendekkan tempoh program itu bagi mengelak perhimpunan beramai-ramai di tempat menderma darah dan hanya tiga pelajar sahaja akan menderma dalam masa 7 hingga 10 minit dalam satu masa.

"Kami melaksanakan program sebegini kerana ingin membantu pihak hospital yang kekurangan bekalan darah.

"Ingatlah bahawa setiap darah yang disalurkan bukan hanya dapat membantu orang lain, malahan diri sendiri juga akan dapat faedah apabila dapat menangani ancaman kanser dan juga meningkatkan tahap kesihatan menjadi lebih baik," katanya.

Pengetua INASIS Petronas, Mohd Fairus Abd Majid berkata, program tersebut adalah bagi membantu pihak hospital terutamanya mereka yang memerlukan darah.

Menurutnya, selaras dengan ajaran Islam dan sifat kemanusiaan sebagai manusia adalah perlu saling menolong tanpa mengira bangsa, agama dan status kewangan.

Pada masa sama, katanya, pelajar yang masih berada di dalam kampus dapat berbakti kepada negara dalam konteks derma darah.

"Mereka yang menerima bantuan darah ini mungkin juga pernah menyumbang kewangan semasa tempoh PKP ini dan hasil kepada negara.

"Saya berharap semoga amalan dan semangat tolong-menolong ini akan terus diamalkan dan menjadi budaya pelajar UUM," katanya.

Red Charity 2.0 'Your Concern May Save A Life' dianjurkan Exco Keselamatan dan Kesihatan JKPS INASIS Petronas.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.